

# Kemas kini bantuan atas skrin

Philips sentiasa cuba untuk memperbaiki produk-produknya. Untuk memastikan bantuan atas skrin anda mengandungi maklumat terkini, kemas kini teater rumah anda dengan bantuan atas skrin terkini.

Muat turun bantuan terkini daripada [www.philips.com/support](http://www.philips.com/support).


## Apa yang anda perlukan

- Peranti denyar USB, dengan sekurang-kurangnya 35MB memori. Pemacu denyar USB hendaklah berformat FAT atau NTFS. Jangan gunakan pemacu keras USB.
- Komputer dengan akses kepada Internet.
- Utiliti arkib yang menyokong format fail ZIP (contohnya, WinZip® bagi Microsoft® Windows® atau StuffIt® bagi Macintosh®).

## Langkah 1: Semak versi semasa bantuan

Periksa versi semasa bantuan atas skrin yang dipasang pada teater rumah anda. Jika versi ini lebih rendah daripada versi di [www.philips.com/support](http://www.philips.com/support), muat turun dan pasang bantuan atas skrin yang terkini.

Dua digit yang terakhir menunjukkan versi bantuan atas skrin yang terpasang pada teater rumah anda. Sebagai contoh, jika versi pada teater rumah ialah 'Subsystem SWV: 35-00-00-05', '05' mewakili versi bantuan atas skrin yang terpasang pada masa ini.

- 1 Tekan  (Laman utama).
- 2 Pilih [Persediaan], kemudian tekan OK.
- 3 Pilih [Lanjutan] > [Maklumat Versi], dan kemudian tekan OK.

## Langkah 2: Muat turun bantuan atas skrin terkini

- 1 Sambungkan peranti denyar USB kepada komputer anda.
- 2 Pada penyemak imbas Web anda, pergi ke [www.philips.com/support](http://www.philips.com/support).


- 3 Di laman sokongan Philips, dapatkan produk anda dan klik pada **User manuals** (Manual pengguna), dan kemudian cari **User Manual Upgrade Software** (Perisian Naik Taraf Manual Pengguna).
  - » Kemas kini bantuan tersedia dalam bentuk fail zip.
- 4 Simpan fail zip dalam direktori induk peranti denyar USB anda.
- 5 Gunakan utiliti arkib untuk mengekstrak fail kemas kini bantuan dalam direktori induk peranti denyar USB.
  - » Fail bernama 'HTSxxxxxDFU.zip' diekstrak ke dalam folder **UPG\_ALL** pada peranti denyar USB anda, di mana 'xxxx' ialah nombor model teater rumah anda.
- 6 Tanggalkan peranti denyar USB daripada komputer anda.

## Langkah 3: Kemas kini bantuan atas skrin



### Awas

- Sebelum anda menyambung pemacu denyar USB kepada teater rumah anda, pastikan bahawa tidak terdapat cakera di dalam petak cakera, dan bahawa petak cakera dalam keadaan tertutup.

- 1 Hidupkan TV.
- 2 Sambung peranti storan USB yang mengandungi fail yang dimuat turun kepada teater rumah anda.
- 3 Tekan  (Laman utama).
- 4 Masukkan **338** pada alat kawalan jauh.
  - » Ikut arahan pada TV untuk mengesahkan kemas kini. Jangan matikan teater rumah atau tanggalkan pemacu denyar USB sepanjang kemas kini.
- 5 Tanggalkan pemacu denyar USB daripada teater rumah.



### Amaran

- Jika bekalan kuasa terputus semasa kemas kini, jangan tanggalkan pemacu denyar USB daripada teater rumah.
- Jika ralat berlaku semasa kemas kini, cuba prosedur tersebut sekali lagi. Jika ralat yang sama berulang, hubungi Penjagaan Pengguna Philips.